



Peruntukan subsidi lebih besar tahun depan

Oktober 12, 2022 @ 4:17pm

KUALA LUMPUR: Jumlah subsidi yang diperuntukkan untuk rakyat di bawah Bajet 2023 berjumlah RM55 bilion, lebih besar daripada RM31 bilion pada 2022, menurut Kementerian Kewangan.

Anggaran RM55 bilion itu berdasarkan harga minyak mentah yang dijangka turun kepada AS\$90 setong, selain harga komoditi lain yang turut dijangka turun berikutan kemungkinan kelembapan global tahun depan.

Subsidi bagi kumpulan berpendapatan B40 dan M40 turut meningkat bagi 2023.

"Peruntukan bagi bantuan sosial dan subsidi meningkat dua kali ganda daripada 5.2 peratus kepada 11.3 peratus daripada perbelanjaan operasi.

"Bantuan tunai kepada B40 adalah kira-kira RM10 bilion," kata kementerian itu.

Bajet 2023 turut memperuntukkan RM1 bilion untuk program miskin tegar bagi membantu mereka menerusi inisiatif ekonomi dan pertanian.

"Bantuan tunai kepada B40 adalah kira-kira RM10 bilion," kata kementerian itu.

Bajet 2023 turut memperuntukkan RM1 bilion untuk program miskin tegar bagi membantu mereka menerusi inisiatif ekonomi dan pertanian.

Kementerian turut menyatakan bahawa peruntukan subsidi 2022 adalah RM31 bilion, namun perbelanjaan subsidi telah mencecah RM77.7 bilion tahun ini disebabkan oleh gangguan bekalan global yang menyebabkan inflasi melonjak.

"Sebagai contoh tahun ini, harga minyak melonjak kepada AS\$120 setong, menyebabkan subsidi lebih tinggi bagi bahan api RON95 manakala harga arang batu lebih tinggi turut menyebabkan lebih banyak subsidi bagi menjana tenaga elektrik," tambahnya.